



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

SIARAN MEDIA

KBS LANCAR PROGRAM MALAYSIA AKTIF @ KOMUNITI KHUSUS BUAT WARGA PROJEK PERUMAHAN RAKYAT DAN PROJEK PERUMAHAN AWAM

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah melancarkan **program Malaysia Aktif @ Komuniti** bertempat di **PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth, Pulau Pinang** hari ini.
2. Program ini merupakan inisiatif baharu **Kementerian Belia dan Sukan (KBS)** menerusi **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** dengan sokongan **Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)** bagi merealisasikan hasrat **membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat** khususnya di komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Projek Perumahan Awam (PPA).
3. Dengan pengisian aktiviti **senamrobik atau zumba**, objektif program adalah seperti berikut:
 - 3.1 menggalakkan **gaya hidup aktif dan sihat** dalam kalangan masyarakat terutamanya melibatkan komuniti PPR dan PPA;
 - 3.2 menyemai **pembudayaan sukan dalam kalangan masyarakat** dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara bersukan (*sporting nation*); dan
 - 3.3 mengukuhkan **perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti** serta bertindak sebagai langkah intervensi sosial bagi mengelakkan gejala negatif terutamanya melibatkan belia dan anak muda.

4. Untuk permulaan, program akan berjalan **setiap hari Sabtu atau Ahad selama 30 minggu (seminggu satu sesi)** bermula **bulan Jun hingga Disember 2023** dengan sasaran penyertaan keseluruhan seramai **36,000 orang** di seluruh negara secara **PERCUMA** melibatkan **12 lokasi di 6 negeri** seperti berikut:

BIL	NEGERI	LOKASI
1.	Selangor	• PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya • PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya
2.	Pulau Pinang	• PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth • PPR Kg Tok Suboh, Bukit Mertajam
3.	Negeri Sembilan	• PPR Bersepadu Senawang, Seremban • Taman Perumahan Kasih Putera (PPA), Bahau
4.	Kedah	• PPR Nagasari, Kubang Pasu • PPR Paya Nahu, Sungai Petani
5.	Kelantan	• PPR Kota Bharu • PPR Gua Musang
6.	Terengganu	• PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu • Projek Rumah Murah Batu 7, Dungun

5. Manakala di Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan pada fasa seterusnya.
6. KBS berharap agar pelaksanaan program ini akan **berjalan dengan lancar dan mendapat sokongan** daripada orang ramai terutamanya dalam kalangan komuniti PPR dan PPA. Sekiranya terdapat pertanyaan atau memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi JBSN di talian **03-8871 3202** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

10 JUN 2023